

Kementerian Pendidikan Malaysia
Blok J Paras 7
Pusat Bandar Damansara
50604 Kuala Lumpur.

Telefon: 2556900

KP(BS)8591/Jld.III/(69)

3 Januari 1989

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YB Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 1/1989:
Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan
Sukan Di Sekolah

Sebaik-baik saluran untuk membina kesihatan mental, jasmani, rohani dan emosi pelajar adalah melalui kegiatan sukan. Kegiatan sukan seharusnya dilihat sebagai sama pentingnya dengan bidang-bidang pendidikan yang lain. Namun demikian, masih lagi terdapat keadaan di mana kegiatan sukan tidak disertai oleh sebilangan ramai pelajar dan hal ini tidak pula cuba diatasi atau diberikan penekanan oleh pihak pentabdir sekolah.


2. Surat Pekeliling Ikhtisas ini adalah dikeluarkan dengan tujuan memperingatkan semua pihak di sekolah bahawa penyertaan pelajar dalam kegiatan sukan adalah **DIWAJIBKAN**. Bagi menentukan kegiatan sukan dapat mencapai matlamat yang ditentukan, maka pihak pentabdir sekolah adalah diminta memastikan bahawa perkara-perkara berikut dipatuhi:

- i. Setiap pelajar mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis permainan atau olahraga, atau setidak-tidaknya turut serta dalam larian merentas desa, jogging atau perlumbaan jalan kaki;
- ii. Pihak sekolah memperkemaskan lagi perancangan dan pengurusan kegiatan sukan di sekolah supaya dapat dipertingkatkan minat dan penyertaan pelajar dalam kegiatan tersebut;
- iii. Pihak sekolah menambah serta mempelbagaikan jenis kegiatan sukan di sekolah dengan memberikan penumpuan kepada kegiatan-kegiatan yang dapat melibatkan penyertaan bilangan pelajar yang ramai;
- iv. Pihak sekolah, setakat mana yang boleh, berusaha menyediakan kemudahan dan peralatan bagi menggalakkan kegiatan sukan di kalangan pelajar.

3. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di bawah jagaan YB Datuk/Tuan/Puan.

Sekian dan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

..k

1. YB Saudara Anwar Ibrahim
Menteri Pendidikan Malaysia.
2. YB Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Pendidikan.
3. YB Encik Woon See Chin
Timbalan Menteri Pendidikan
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan.
5. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan.
6. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan.
7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan.
8. Timbalan Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan.
9. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan.
10. Ketua Jemaah Nazir Sekolah
Kementerian Pendidikan.
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan.